

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah digunakan di bawah kod bidang seperti di bawah:-

NO.RUJUKAN	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP	SYARAT UTAMA SEBUT HARGA
Sebut Harga MyCC (S) Bil.3/2026	Sebut Harga Perkhidmatan Mereka bentuk & Percetakan Buku Laporan Tahunan MyCC 2025 Dalam Bahasa Malaysia Dan Bahasa Inggeris.	I. <u>221601 hingga 221615;</u> dan/atau II. <u>222002;</u> atau III. <u>222004;</u> atau IV. <u>222006;</u> atau salah satu daripadanya	13 Julai 2026 (Isnin)	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun secara percuma melalui laman sesawang MyCC, <https://mycc.gov.my/rfq-tender> bermula pada **24 Jun 2026 (Rabu) sehingga 13 Julai 2026 (Isnin)**. **Taklimat Sebut Harga adalah digalakkan dihadiri oleh wakil syarikat atau penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia.**

Sesi Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada:

Tarikh : 29 Jun 2026 (Isnin)

Masa : 2.45 petang

Tempat : Dewan Utama Tingkat 14, MyCC

Dokumen Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan mestilah diserahkan sebanyak **tiga (3) salinan**. Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "**Kategori Teknikal**" dan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Bahagian Perkhidmatan Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Tingkat 15 Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur** tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada **13 Julai 2026 (Isnin)**. Tempoh sah laku tawaran sebut harga ini adalah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas tarikh tutup sebut harga. Dokumen sebut harga tersebut mestilah dimasukkan kedalam sampul surat yang lebih besar yang berlakri (*sealed*) ditanda "**SEBUT HARGA NO: MyCC (S) Bil.3/2026**".